

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 7 (14)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2018-2020)
BILANGAN 7 TAHUN 2020**

Tarikh : 26 Ogos 2020 (Selasa).
Masa : 10.30 Pagi – 11.45 pagi.
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran.

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 9 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Julai 2020.

3. PERUTUSAN Pengerusi

3.1 PENGHARGAAN

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan syukur Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

Terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berjalan lancar dan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

3.2 MEMPERKASA PROFESIONALISME DAN INTEGRITI

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab, elemen integriti perlu diamalkan oleh setiap penjawat awam. Penerapan nilai-nilai integriti amat penting bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan dan pengurusan pentadbiran sentiasa menjalankan tugas dengan profesional, amanah, bertanggungjawab, berintegriti selain membina mutu kerja cemerlang yang luhur sekali gus membentuk suasana berpasukan yang membudayakan mutu kerja yang berprestasi tinggi.

Kepentingan meletakkan budaya berintegriti di tahap tertinggi bukanlah sesuatu yang baharu sebaliknya ianya perlu menjadi keutamaan dalam kegiatan seharian kita. Amalan budaya kreatif dan kritis perlu digalakkan agar setiap penjawat awam boleh mempertajamkan dan mengaplikasikan kebolehan mereka mengikut bidang kepakaran masing-masing, sekali gus memperkukuh amalan budaya berintegriti.

Selain individu, organisasi juga mesti mempunyai integriti. Integriti organisasi tercermin dalam pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik. Kod etika organisasi ditegaskan, diulangi dan dihayati oleh anggota organisasi berkenaan sehingga menjadi kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya organisasi.

Selain daripada itu, penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam adalah bertujuan untuk menyepadukan semua pengurusan yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus supaya inisiatif-inisiatif pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif dapat dilaksanakan secara lebih fokus, efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya melalui Unit Integriti telah melaksanakan pelbagai bentuk program kesedaran termasuk bekerjasama dengan agensi-agensi luar terutamanya dengan SPRM dalam usaha membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi. 'Program 1 Jam Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Di Jabatan-Jabatan MBPJ' telah dilaksanakan bermula Mac hingga Disember 2020 dan Bengkel 'Corruption Risk Management' (CRM) yang dijangkakan dilaksanakan sekitar Oktober 2020 ini adalah salah satu usaha Majlis dalam membantu mengenal pasti kelemahan struktur yang mungkin membuka peluang kepada berlakunya rasuah, menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti faktor risiko serta menerap elemen pencegahan rasuah dalam rangka tadbir urus yang mantap.

Secara keseluruhannya, anggota perkhidmatan awam perlu berpegang kepada prinsip, disiplin moral yang tinggi dan nilai-nilai integriti di dalam perkhidmatan awam. Perkara ini merupakan antara aspek yang penting serta menjadi kayu pengukur dalam menentukan kestabilan sistem perkhidmatan awam serta ukuran dalam menentukan kemantapan pengurusan pentadbiran sesebuah negara.

3.3 PENGURUSAN TENAGA BANGUNAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Majlis melalui Jabatan Kawalan Bangunan, selaku urusetia kepada Program Tenaga Lestari ke arah bandar karbon rendah Petaling Jaya telah meneruskan agenda program tersebut dengan mengadakan Bengkel Asas Fasilitasi Pengurusan Tenaga Bagi Bangunan-Bangunan Majlis selama 2 hari bertempat di Bandar Utama baru-baru ini.

Tujuan diadakan bengkel ini adalah bagi menubuhkan sebuah Jawatankuasa Teknikal yang akan diwakili oleh Jabatan-Jabatan teknikal yang berkaitan serta penetapan polisi pengurusan tenaga MBPJ dalam menerapkan kesedaran penggunaan tenaga dengan lebih cekap dan menjimatkan kos. Dalam melaksanakan pengurusan cekap tenaga yang lebih efisien dan efektif pada bangunan, Majlis bersama-sama SEDA Malaysia akan membantu dalam memberi nasihat dan panduan dalam pelaksanaan polisi pengurusan tenaga Majlis selain garis panduan berasaskan Piawaian Malaysia (MS) 1525.

Majlis akan memberi sokongan melalui pembangunan kapasiti kakitangan Majlis bagi merealisasikan aktiviti berkaitan bangunan cekap tenaga bagi bangunan baharu mahupun sedia ada bertujuan untuk memberi penurunan tenaga pada bangunan bermula dengan warga Majlis dan seterusnya kepada pemegang taruh Petaling Jaya, dalam mencapai sasaran agenda karbon rendah Bandaraya Petaling Jaya 2030.

3.4 KAWALAN KESIHATAN : SITUASI KES DEMAM DENGGI DI PETALING JAYA.

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada Minggu Epid (ME) ke 33/2020 adalah sejumlah 3,087 kes yang dilaporkan. Laporan kes demam denggi ini menunjukkan penurunan sebanyak 41 peratus berbanding tahun 2019 sebanyak 5,221 kes.

Tiada jumlah lokaliti hotspot yang aktif dilaporkan sehingga ME 33 (26 Julai 2020 – 1 Ogos 2020) dan ME 34 (2 Ogos 2020 – 8 Ogos 2020) di kawasan pentadbiran MBPJ. Namun, 1 kes kematian dilaporkan pada tahun 2020.

Walau bagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang terendah berbanding 2 PBT yang lain di daerah Petaling. MBPJ merekodkan sejumlah 3,087 kes, MBSA 4,354 kes dan MBSJ 5,086 kes.

3.5 PROGRAM SPRING CLEANING SEMPENA HARI KEBANGSAAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya sedang menganjurkan program 'Spring Cleaning' sempena Hari Kebangsaan pada setiap hari Sabtu dan Ahad bermula 22 Ogos 2020 hingga 13 September 2020. Kempen yang dianjurkan ini mendapat kerjasama daripada 'The CAREton Project' iaitu usaha sama di antara pihak Nestle Malaysia (Milo) dan Tetrapak Malaysia yang menjalankan kempen kitar semula kotak minuman.

Untuk makluman, program 'Spring Cleaning' kali ini turut menerima bahan buangan bekas kotak minuman selain barangan perabot dan elektronik. Sehubungan itu, orang awam diminta untuk meletakkan barangan yang hendak dikitar semula di hadapan rumah sebelum pukul 10.00 pagi (kutipan tidak akan dilakukan sekiranya lewat). Berikut adalah senarai lokasi terpilih sempena program 'Spring Cleaning':

Tarikh	Lokasi	Pegawai Bertanggungjawab
22 Ogos 2020 (Sabtu)	Seksyen 22, Seksyen 14, PJS 3 & PJS 4	En. Shah : 019-5025773 En. Qusairi : 011-10104745
23 Ogos 2020 (Ahad)	Seksyen 6, Seksyen 7, Seksyen 8 & PJS10	En. Muiz : 018-2624345 En. Qusairi : 011-10104745
29 Ogos 2020 (Sabtu)	SS9, SS9A & SS 3	En. Nasarudin : 011-11536433 En. Fitri : 017-6244923
30 Ogos 2020 (Ahad)	Seksyen 11, Seksyen 12, Seksyen 16, Seksyen 18 & Seksyen 1A	En. Shah : 019-5025773 En. Kaslan : 012-3539666
5 September 2020 (Sabtu)	Seksyen 9, Seksyen 10, Seksyen 11 (Kota Damansara)	En. Azmil : 017-6545450
6 September 2020 (Ahad)	Seksyen 20, Seksyen 21 & SS20	En. Shah : 019-5025773 En. Fadzil : 017-3946906
12 September 2020 (Sabtu)	Aman Suria & Kg. Cempaka	En. Izwan : 017-3358158
13 September 2020 (Ahad)	SS4 & Seksyen 1	En. Nasarudin : 011-11536433 En. Kaslan : 012-3539666

3.6 MALAYSIA PRIHATIN : KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG SEMPENA BULAN KEBANGSAAN 2020.

Tanggal 31 Ogos pada setiap tahun merupakan tarikh keramat bagi seluruh rakyat di negara ini. Pada tarikh tersebut merupakan hari yang sangat bermakna buat seluruh rakyat Malaysia kerana pada tarikh itu seluruh rakyat Malaysia menyambut Hari Kebangsaan.

Hari Kebangsaan ini disambut secara besar-besaran sama ada di peringkat kebangsaan ataupun negeri. Perasaan betapa tingginya nilai dan erti kemerdekaan dalam kalangan mereka yang pernah berjuang untuk mencapai kemerdekaan tidak mampu diterjemahkan melalui penulisan ataupun kata-kata.

Hanya mereka yang terlibat secara langsung dalam proses kemerdekaan ini dapat merasai perasaan yang sebenarnya betapa tingginya nilai sebuah kemerdekaan yang dikecapi selama 63 tahun yang lalu.

Oleh yang demikian, adalah menjadi satu kewajipan kepada seluruh rakyat Malaysia pada hari ini untuk mempertahankan negara tercinta daripada dijajah kali kedua sama ada penjajah fizikal, minda ataupun sosial.

Penjajahan fizikal mungkin sukar untuk berlaku, namun penjajahan minda dan sosial tidak mustahil sekiranya tiada sebarang langkah proaktif yang diambil oleh rakyat di negara ini. Generasi muda terutamanya perlu dan sentiasa menjadi benteng paling utuh buat negara dalam memelihara kemerdekaan ini kerana ia bukan sesuatu perkara yang murah dan mudah untuk diperoleh dan dicapai.

Bagi pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, pada 28 Julai 2020 yang lalu telah diadakan majlis Pelancaran Hari Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor bertempat di Auditorium Dewan Jubli Perak, Sultan Abdul Aziz Shah Alam. Majlis pelancaran dan kempen ini juga diadakan secara serentak seluruh Negara.

Selari dengan situasi yang melanda negara pada ketika ini, 'Malaysia Prihatin' diangkat sebagai tema Hari Kebangsaan pada tahun ini dengan membawa maksud yang cukup mendalam kepada rakyat Malaysia seiring keadaan negara yang masih berdepan dengan penularan pandemik covid-19.

Selari dengan semangat cintakan Negara, orang ramai hendaklah mengibarkan Jalur Gemilang dengan megah kerana ini adalah panji kebanggaan kita semua. Hayati makna dan prinsip Rukun Negara sebagai pengikat perpaduan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Marilah bersama-sama kita kibarkan Jalur Gemilang dan meraikan Hari Kebangsaan.

Pengibaran Jalur Gemilang ini juga adalah untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme dan rasa cinta tanpa berbelah bahagi kepada negara. Selaku Datuk Bandar, saya ingin mengingatkan agar kesemua pengibaran bendera Jalur Gemilang ini berada dalam keadaan baik, tidak lusuh serta yang paling utama adalah dipasang dalam kedudukan yang betul.

Program Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Ke-63 dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat MBPJ akan diadakan pada jam 12.00 tengah hari ini bertempat di Dewan Banquet, Dewan Sivik MBPJ. Semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan Pegawai dijemput hadir.

3.7 PELAKSANAAN BANCIAN 2020

YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan, kerajaan sekarang ini telah memulakan kempen bancian secara 'online' bermula Oktober 2020. Bancian secara online boleh dicapai melalui 'e-census'. Bancian secara online akan lebih memudahkan penduduk membuat pengisian maklumat keluarga. Data-data terus diperolehi secara online.

YBhg. Datuk Pengerusi meminta semua Ketua Jabatan dan Ahli- ahli Majlis agar dapat memaklumkan dan mewar-warkan kepada seluruh warga Petaling Jaya untuk membuat bancian secara online melalui e-census.

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 6 TAHUN 2020 (PENGAL 2018/2020).

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis Bilangan 6 Tahun 2020 bagi pengal 2018/2020 bertarikh 29 Julai 2020 disahkan dengan pindaan bagi perkara 6.10 di muka surat 17 iaitu cadangan minit mesyuarat jawatankuasa kewangan bertarikh 20 Julai 2020.

Pindaan cadangan minit jawatankuasa kewangan bertarikh 20 Julai 2020 adalah bagi perkara 4.5.1 f) para 2, di muka surat 7 seperti berikut:

- f) Cadangan oleh Puan Rahibah binti Che Omar supaya Majlis mengenakan 'vacancy tax' bagi unit-unit yang.....

Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

5. LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 6 TAHUN 2020 (PENGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 OGOS 2020.

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
5.	<p>LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL KHAS PASAR JALAN OTHMAN BIL.4 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 JULAI 2020 DIBENTANGKAN PADA MESYUARAT MAJLIS BIL 6 TAHUN 2020 UNTUK PERTIMBANGAN DAN PENGESAHAN.</p>	<p>Minit mesyuarat Jawatankuasa Kecil Khas Pasar Jalan Othman Bil. 5 Tahun 2020 yang telah diadakan pada 7 Ogos 2020 dibentangkan untuk pertimbangan dan pengesahan seperti dilampirkan.</p> <p>Dalam mesyuarat Majlis pada 26 Ogos 2020 Ahli Majlis, Encik Derek John Fernandez, membangkitkan mengenai kekosongan gerai-gerai dalam Pasar Jalan Othman. Walaupun temuduga telah dijalankan tetapi surat tawaran kepada peniaga masih lagi belum dikeluarkan. Ini menyebabkan Majlis terpaksa menanggung kerugian akibat gerai-gerai masih lagi kosong dari bulan Jun, Julai dan Ogos 2020 sedangkan Majlis telahpun mengeluarkan kos penyelenggaraan bagi membaiki pulih Pasar Jalan Othman. Menurut beliau, kadar sewa yang dikenakan juga amat murah dan berpatutan. Beliau memohon supaya surat tawaran segera dikeluarkan kepada peniaga yang berjaya.</p>

		<p>Puan Ermeemariana pula membangkitkan isu berkenaan dengan perkara 4.1.6 iaitu dengan menyatakan pengecualian bayaran sewa pada bulan Mei, Jun dan Julai 2020.</p> <p>Encik Suresh A/L Gengiah, Ahli Majlis MBPJ juga telah bertanyakan status keputusan temuduga peniaga di Pasar Jalan Othman. Beliau juga bertanyakan berkenaan dengan status permohonan awal iaitu sebanyak 24 pemohon pada bulan Januari 2020. Sama ada pemohon tersebut layak atau tidak layak selepas temuduga.</p> <p>YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan segala keputusan temuduga peniaga akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Mikro. Surat-surat tawaran kepada peniaga yang berjaya dalam temuduga perlu dikeluarkan pada 16 September 2020.</p> <p>Tindakan : Pengarah, Jabatan Pelesenan</p>
--	--	---

6. **MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.**

6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 21 JULAI 2020 DAN 10 OGOS 2020.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (36)

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (38)

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.

6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER 29 JULAI 2020 DAN 14 OGOS 2020.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (94)

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (96)

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Penolong Pengarah (Ukur Bahan), MBPJ.

6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 12 OGOS 2020, RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (70).**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.

6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 13 OGOS 2020.:MBPJ/010103(U)/S/M9/15/Jld.2 (51) untuk makluman.**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Unit Audit Dalam, MBPJ

6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN
PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 13 OGOS 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (49))**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan
Pekhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran,
MBPJ**

6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 14 OGOS 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (74))**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara :

Pindaan dan tambahan ayat bagi perkara 7.2.1 di muka surat 15

7.2.1 Beliau memaklumkan sebelum ini terdapat keputusan mesyuarat bagi mempertingkatkan kekerapan penyelenggaraan taman-taman di kawasan kos rendah dan di kawasan-kawasan tertentu. Beliau berharap agar hal ini diberikan perhatian terutama di dalam pengiraan bajet tahunan Majlis.

6.6.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Encik Tang Fuie Koh iaitu:

- a) Beliau memaklumkan bahawa beliau telah membangkitkan isu berkenaan dengan kertas kerja Kajian Pemuliharaan Tasik Aman. Kertas kerja tersebut telah dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar bertarikh 14 Ogos 2020. Walau bagaimana pun keputusan berkenaan perkara yang dibincangkan telah tidak dimitnkan di dalam mesyuarat tersebut.

Tindakan : Pengarah Jabatan Landskap, MBPJ

6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALU LINTAS BERTARIKH 17 OGOS 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (43)**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut dengan pindaan bagi perkara berikut:

Pindaan bagi perkara 7.3.1 i) di muka surat 21

- i) Beliau memaklumkan Ahli Majlis, Encik Farhan Haziq Bin Mohammed bertanyakan mengenai permohonan pembinaan laluan pejalan kaki di sepanjang Jalan 20/13 di kiri dan kanan jalan, menuju ke LRT Taman Paramout.

Pindaan bagi perkara 7.9.1 Perenggan Maklumbalas iii) di muka surat 25 para 6

- iii) Penolong Pengarah Lalulintas memaklumkan telah menulis surat kepada Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkenaan penyelarasan tempoh fasa lampu isyarat tersebut. Pihak DBKL sedang melaksanakan penyelarasan tersebut dan sedang dalam proses kajian. Berkenaan isu membesarkan pepulau di Jalan Templer ditukar bemula dari Seksyen 18 Petaling Jaya sehingga ke persimpangan Kampung Pasir dan sempadan Jalan Templer dan Lebuhraya Lembah Pantai (NPE)

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ

6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 17 OGOS 2020. RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (47).**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan Dan Pembangunan MBPJ

6.9 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 18 OGOS 2020.**
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (83).

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ

7. **UCAPAN PENANGGUHAN**

7.1 **UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGIAH.**

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Y.Bhg Datuk Bandar kerana memberi peluang kepada beliau untuk memberi ucapan penganguhan.

7.1.1 **Ucapan Penghargaan**

Beliau mengucapkan penghargaan kepada Encik Derek John Fernandez yang telah membantu MBPJ bagi menangani kes tuntutan ganti rugi sebanyak RM15,843,000.00 terhadap 'Digital Viva'.

Beliau memaklumkan bahawa beberapa orang Ahli Majlis MBPJ yang lama telah pun berusaha membantu majlis dalam isu '3R box' dan telah membuat laporan polis. Encik Derek John Frenandez dan beberapa orang mantan Ahli Majlis telah membuat rayuan dan berjaya mengenyepikan Perintah Mahkamah Tinggi di Mahkamah Rayuan. Plaintiff (Digital Viva) telah memfailkan permohonan rayuan di Mahkamah Persekutuan. Permohonan pihak 'Digital Viva' telah ditolak di Mahkamah Persekutuan.

Dengan penolakan rayuan tersebut, Majlis telah berjaya menjimatkan kos sebanyak RM16 juta untuk di bayar kepada pihak Planitif. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar Majlis lebih berhati-hati dalam memilih peguam yang akan mewakili atau mengendalikan kes-kes berkaitan tuntutan daripada orang awam atau pihak-pihak tertentu.

Ulasan YBhg. Datuk Pengerusi

YBhg Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan tersebut dan beliau juga turut mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang berjaya mengendalikan kes ini sehinggakan Majlis berjaya mengenyepikan tuntutan dan menjimatkan kos RM16 juta.

YBhg. Datuk Pengerusi juga mengingatkan agar semua dokumen perjanjian disemak dengan teliti bagi mengelakkan sebarang bentuk tuntutan ganti rugi yang terpaksa di tanggung oleh Majlis. Beliau menasihatkan agar semua pegawai majlis lebih berhati-hati dalam membuat sebarang keputusan atau menerima cadangan dan rundingan daripada mana-mana seperti NGO demi menjaga kepentingan Majlis. Beliau tidak mahu majlis dan rakyat menanggung kerugian akibat kecuaiannya dalam menangani isu-isu melibatkan perundangan.

7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK.

Ahli Majlis Encik Ahmad Akhir bin Pawan mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Bandar kerana memberi peluang kepada beliau untuk memberi ucapan penganguhan pada kali ini.

7.2.1 Isu Penjaja Kecil.

Beliau telah membangkitkan isu berkenaan dengan penjaja kecil di Petaling Jaya, terutamanya di kawasan Petaling Jaya Selatan (PJS) semenjak tahun 2012 iaitu semasa beliau mula dilantik sebagai Ahli Majlis. Isu ini berterusan dan masih belum dapat diselesaikan secara teratur oleh Majlis sehingga ke hari ini.

Isu penjaja kecil ini telah dijadikan salah satu 'Pelan Khas Pembasmian Kemiskinan' pada tahun 2016. Di mana pada masa itu beliau bersama Exco dan beberapa orang pengarah MBPJ telah melakukan lawatan ke gerai-gerai kecil di kawasan PJS. Dalam lawatan tersebut, telah diadakan temuduga secara langsung dari gerai ke gerai bagi mendapatkan maklumat secara terus dari pegerai. Beliau turut musykil kerana terdapat sesetengah pegerai telah mempunyai permit walaupun berniaga di tepi-tepi jalan atau di atas longkang yang di tutup dengan kayu. Dalam masa yang sama juga terdapat pegerai yang belum dapat permit walau pun berniaga di tempat yang betul. Selain itu dimaklumkan bahawa ramai yang memohon untuk mendapatkan permit tetapi tidak diluluskan oleh MBPJ.

Beliau turut membangkitkan masih belum menerima keputusan akhir dan laporan daripada lawatan tersebut serta tiada tindakan selanjutnya dari majlis.

Beliau mencadangkan agar Majlis membuat siasatan dan semakan ke atas peniaga baru dan lama. Program pemutihan dan pemusatan peniaga tanpa lesen perlu dilaksanakan di seluruh Petaling Jaya agar peniaga tanpa permit tidak lagi tertekan dan fobia apabila tindakan penguatkuasaan dilakukan memandangkan mereka telah mempunyai permit yang sah.

Akhirnya beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg Datuk Pengerusi kerana memberi peluang kepada beliau untuk berucap dan beliau juga mengucapkan ' Selamat Hari Merdeka' kepada semua ahli mesyuarat yang hadir pada kali ini.

Ulasan YBhg. Datuk Pengerusi

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan penangguhan tersebut. Beliau memaklumkan akan melihat isu ini bukan sahaja di PJS malahan di seluruh Petaling Jaya.

Mengulas isu yang timbul di MBSA, beliau memaklumkan bahawa MBSA sebenarnya telah pun mempunyai perancangan awal terhadap isu yang timbul. Oleh yang demikian langkah drastik telah diambil dengan mempercepatkan pengeluaran permit dalam tempoh dua (2) hari selepas di'viralkan'.

Untuk makluman, Majlis telah mengambil inisiatif dalam membantu memusatkan peniaga-peniaga kecil ini contohnya seperti di laluan ke Matahari Mall dan PJCC. Gerai-gerai mereka disusun dan dipusatkan secara lebih teratur agar tidak mengganggu lalu lintas dan halangan kepada kenderaan. Walaubagaimana cadangan tersebut terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu kerana perlu patuh kepada SOP akibat dari pandemik Covid-19. Tapak yang dicadangkan adalah tapak Pasar Malam yang ketika ini dibuat secara penggiliran.

Walaubagaimana perkara ini akan dibentangkan dan dibincangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Usahawan Mikro.

Dalam masa yang sama, YBhg. Datuk Pengerusi mengingatkan agar peniaga sentiasa patuh dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis.

Beliau turut memaklumkan bahawa pada masa sekarang Majlis memfokuskan isu yang lebih besar iaitu Peniaga Asing. Sebanyak 76 operasi telah dilaksanakan bagi memberkas peniaga asing ini. Isu ini telah mendapat perhatian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di mana Majlis Perbandaran Klang dan Dewan Bandaraya Shah Alam telah dipanggil menghadap untuk

SULIT

membentangkan isu-isu berkaitan dengan penaja atau peniaga kepada pihak istana. Majlis sedang menunggu masa untuk dipanggil mengadap bagi membentangkan isu ini.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Beliau memaklumkan, selepas mesyuarat akan diadakan sesi bergambar bersama Ahli Majlis, bertempat di depan foyer Ibu Pejabat, MBPJ. Beliau turut menjemput semua Ahli Mesyuarat ke Dewan Banquet MBPJ untuk program sambutan Hari Merdeka peringkat MBPJ.



(HJH. AZLINDA BINTI AZMAN, SIS, PPT),
Setiausaha,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 1 September 2020.

LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

1. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, D.P.M.S., S.M.S.,
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
2. Puan Hjh. Azlinda binti Azman, S.I.S., P.P.T.,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
3. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
5. Encik Zamri bin Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ.
6. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
7. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
8. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
9. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Ermeemarianna binti Saadon,
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Anwar bin Nekhan,
Ahli Majlis, MBPJ.

15. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Leong Chee Cheng,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Loyis Anak Uding,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Puan Sakinah Bibi Nagoor,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Rahibah binti Che Omar,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad @ Awang
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR

1. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
2. Encik Farhan Haziq bin Mohamed, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

1. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
2. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan,

3. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
4. Tuan Ir. Haji Ismail bin Shafie, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
5. Puan Sr. Aziziza Azdila binti Abdul Aziz,
Wakil Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
6. Encik Aznan bin Hj. Hassan, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
7. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
8. Tuan Dr. LAr. Badruzaman bin Jaafar,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
9. Puan Mahzura binti Mohd Amin,
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K.,
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
17. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy,
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.

18. Puan Tee Tzu Fong,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.

TURUT HADIR

1. Y.M. Ku Mustafa bin Ku Mohamed,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia)
Bahagian Sumber Manusia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
2. Encik Abdul Hakim Bin Khairuddin,
Pegawai Penerangan,
Unit Komunikasi Korporat (Perhubungan Awam).

URUSETIA :

01. Puan Wan Nor Faziha binti Wan Harun,
Penolong Pegawai Tadbir,
Bahagian Pengurusan Aset dan Bekalan,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.